

UM.R/BPP/338/1-Jilid 6

**18** Mei 2018



### SEPERTI DI LAMPIRAN

YBhg Datuk/Dato'/Datin/YBrs Profesor/Dr/Tuan/Puan,

**JEMPUTAN MENYERTAI PERTANDINGAN ‘INTERNATIONAL RESEARCH INNOVATION, INVENTION & SOLUTION EXPOSITION’ (IRIISE) UNIVERSITI MALAYA TAHUN 2018**

Dengan segala hormatnya, saya merujuk kepada perkara di atas

2. Sukacitanya dimaklumkan bahawa pihak Universiti Malaya bakal menganjurkan program ‘International Research Innovation, Invention & Solution Exposition 2018 (IRIISE 2018)’ seperti ketetapan dan butiran berikut:

<b>Tarikh</b>	<b>: 14 – 16 Ogos 2018</b>
<b>Tempat</b>	<b>: Dewan Tunku Canselor, Universiti Malaya</b>

3. Untuk makluman YBhg Datuk/Dato'/Datin/YBrs Profesor/Dr/tuan/puan, tujuan IRIISE 2018 diadakan adalah untuk memupuk budaya inovasi dalam kalangan para pelajar dan penyelidik serta menggalakkan kerjasama di antara ahli akademik dengan pihak industri. Acara ini akan menjadi platform untuk para penyelidik, ahli akademik, pelajar serta pengamal dari industri untuk menonjolkan bakat mereka, mengetengahkan idea-idea baru, dan mempamerkan ciptaan mereka untuk tujuan pengkomersilan. Penyertaan IRIISE 2018 terbuka kepada tiga (3) kategori utama seperti berikut:-

KATEGORI	KUMPULAN SASARAN
A	Pelajar sekolah rendah dan menengah
B	Pelajar peringkat Sijil, Diploma dan Ijazah Sarjana Muda dari universiti tempatan dan antarabangsa
C	Golongan profesional/industri, pendidik, pelajar pascasiswazah, masyarakat dan institusi kerajaan dan swasta

4. Sehubungan dengan itu, kami dengan berbesar hati ingin menjemput kumpulan pegawai, pelajar dan kakitangan institusi YBhg Datuk/Dato'/Datin/YBrs Profesor/Dr/tuan/puan untuk menyertai program I-RIISE 2018. Bersama-sama ini dilampirkan brosur program IRIISE 2018 untuk perhatian dan tindakan pihak YBhg Datuk/Dato'/Datin/YBrs Profesor/Dr/tuan/puan.


---

**SECRETARIAT**

5. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut, pihak YBhg Datuk/Dato'/Datin/YBrs Profesor/Dr/tuan/puan boleh menghubungi urus setia program IRIISE 2018 di talian 03-7967 7673/2454 atau menerusi e-mel kepada [iriise2018@um.edu.my](mailto:iriise2018@um.edu.my).

Segala kerjasama dan sokongan yang diberikan YBhg Datuk/Dato'/Datin/YBrs Profesor/Dr/tuan/puan dalam perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan terima kasih.

Yang benar,



**MAHAMAD APANDI KHALIB**

Pemangku Pendaftar  
Merangkap Pengurus Jawatankuasa Induk  
Program I-RIISE 2018  
Universiti Malaya

- s.k. 1. Ketua Bahagian Pentadbiran & Governan  
2. Pengarah Pusat Perkhidmatan Penyelidikan